

Faktor Kemiskinan Digital dalam kalangan Pelajar Terhadap Prestasi Belajar Ketika Pandemik Covid-19

(Digital Poverty Factors Among Students Against Learning Achievements During The Covid-19 Pandemic)

Nur Syawal Syazwani Ibrahim¹, Norfatiha Othman^{2*}

¹Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: syawalsyazwani97@gmail.com

²Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: norfatiha.othman@umt.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Norfatiha Othman
(norfatiha.othman@umt.edu.my)

KATA KUNCI:

Jurang digital
Kemiskinan digital
Pembelajaran dalam talian
Prestasi belajar
Covid19

KEYWORDS:

Equality access
Digital divide
Digital poverty
Online learning

CITATION:

Nur Syawal Syazwani Ibrahim & Norfatiha Othman. (2022). Faktor Kemiskinan Digital dalam kalangan Pelajar Terhadap Prestasi Belajar Ketika Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001653. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1653>

ABSTRAK

Kemiskinan digital adalah kekurangan barangan dan perkhidmatan berasaskan ICT. Keperluan ICT telah menjadi asas kepada kehidupan oleh pelajar khususnya dalam tempoh mendepani cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pada era Covid-19. Pelaksanaan PdP telah bertukar kepada mod dalam talian menambahkan lagi jurang digital dalam kalangan pelajar untuk mendapatkan akses yang baik. Kemiskinan digital ini meliputi akses Internet, pengetahuan, fizikal, ekonomi dan sosial. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kemiskinan digital dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu terhadap prestasi belajar. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan soal selidik kepada 100 orang responden pelajar tahun 3 sesi 2019/2020 dari dua aliran bidang pengajian yang berbeza iaitu pelajar sains sosial dan pelajar sains tulen. Penemuan penting yang perlu digarisutamakan adalah suasana pembelajaran pelajar mempengaruhi prestasi belajar mereka. Majoriti pelajar dari dua aliran bersetuju dengan skor min 4.4 bahawa suasana sekitar kondusif penting untuk mereka memberi tumpuan penuh kepada proses PdP. Selari dengan suasana belajar yang baik, skor min 4.3 untuk sokongan keluarga juga antara faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran. Berasaskan hasil kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa, kemiskinan digital adalah bukan faktor kewangan, faktor kekurangan pengetahuan berkaitan ilmu ICT, tetapi kemiskinan digital ini konsepnya luas merangkumi semua aspek kehidupan seperti suasana sekitaran dan sokongan sosial.

ABSTRACT

Digital poverty is defined as the lack of ICT- based goods and services. The need for ICT has become the most

essential tool for students in the teaching and learning process, especially during the pandemic Covid-19. The change in the teaching and learning process to online mode has increased the digital poverty among students in order to get good internet access. Digital poverty includes internet access, knowledge, physical, economic and social. Thus, this study aims to identify the factors that contribute to digital poverty and their effects on the student's performance. This study uses a questionnaire-quantitative approach to 100 respondents of third-year students of the 2019/2020 session from two different courses, the social science and science stream. The important thing that can be prioritized is based on the learning environment of students influencing their learning performance. The majority of students from the two courses agreed with a mean score of 4.4 that a conducive environment was important for them to fully focus on the learning and teaching process. In line with a mean score of 4.3 family support is also among the factors that influence learning performance. Based on the results of this study, it can be concluded that digital poverty is not only a financial factor and a factor of lack of knowledge related to ICT, but the concept of digital poverty is broad and covers all aspects of life such as the environment and social support.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbangkan kepada korpus ilmu pembangunan dan perubahan sosial komuniti, di samping menambahkan literatur sedia ada. Kajian boleh digunakan dan diadaptasi oleh pelajar dan pensyarah yang berkaitan.

1. Pengenalan

Ancaman kemiskinan digital di Malaysia akibat daripada pandemik Covid-19 telah mendedahkan realiti ketaksamaan kehidupan masyarakat sehingga telah mengganggu prestasi pembelajaran pelajar. Menurut [Lee \(2021\)](#), 1.7 juta pelajar menghadapi masalah kemiskinan digital di Malaysia. Jika sebelum ini masih membincangkan isu tentang jurang dan strata masyarakat sahaja. Pada hari ini, isu ini dilihat telah membarah sehingga membentuk kemiskinan digital. *Information Communication Technology* (ICT) merupakan keperluan asas kepada setiap manusia. Dunia pada hari ini sedang berkembang mengejar Revolusi Industri 4.0 seiring dengan perkembangan dan zaman teknologi canggih. Menurut [Jabatan Perangkaan Malaysia \(2020\)](#) kemiskinan digital dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar lebih tinggi berbanding pelajar di kawasan bandar.

Berdasarkan laporan [Jabatan Perangkaan Malaysia \(2020\)](#), penggunaan komputer peribadi, komputer riba dan tablet pada pelajar yang berusia 18 tahun ke bawah adalah masih rendah manakala bagi pemilikan telefon pintar pula menunjukkan capaian pemilikan tertinggi. Tambahan pula, bagi pelajar yang berusia 18 tahun ke atas pula dilihat kekurangan dari segi pemilikan komputer peribadi dan tablet. Pemilikan telefon pintar sahaja yang tinggi dalam kalangan pelajar dilihat masih tidak mencukupi untuk memenuhi proses pembelajaran dalam talian di rumah adalah berbeza bagi kawasan bandar dan luar bandar.

Pemilikan alatan digital ini perlu selari dengan pengetahuan teknologi yang dimiliki oleh dalam pelajar. Hari ini, menurut [Sinar Harian \(2020\)](#), pengetahuan teknologi pelajar membimbangkan apabila masih terdapat sebilangan kurang mahir dalam mengendalikan peralatan gajet dan

teknologi yang disediakan. Pengetahuan teknologi pada masa kini penting untuk dimiliki dan perlukan kemahiran untuk menguasainya. Di Malaysia, pengetahuan pelajar tentang ilmu teknologi masih lemah. Pengetahuan yang terhad dalam pengendalian teknologi digital ini mungkin berlaku disebabkan di Malaysia masih lemah. Pengetahuan yang terhad dalam pengendalian teknologi digital ini mungkin berlaku disebabkan di Malaysia masih rendah kekerapan penggunaannya teknologi dalam bidang pendidikan. Tambahan pula, dengan penularan wabak Covid-19 menyebabkan dunia pendidikan perlu mencari jalan solusi untuk meneruskan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Lalu, penyelesaian yang relevan bagi menghalang penularan wabak ketika ini adalah pembelajaran secara dalam talian untuk menggantikan PdP bersemuka.

Pertukaran kaedah PdP sememangnya mengambil masa untuk pelajar berada dalam situasi yang bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menjalani sesi pembelajaran dalam talian secara ideal sepertimana yang diinginkan oleh para guru ataupun pensyarah. Oleh kerana ketaksamaan seperti peluang akibat lokaliti bagi pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman menyebabkan mereka terbatat untuk mengakses Internet. Jadi, ini menjadi salah satu cabaran bagi pelajar untuk belajar dalam norma baharu di rumah. Bukan itu sahaja, masalah ini akan menyebabkan pelajar gagal untuk menghadiri kuliah yang diadakan oleh pihak universiti (Syahrudin et al., 2021).

Di samping itu, pemilikan alatan digital seperti telefon pintar dan komputer juga tidak memadai bagi seseorang pelajar itu untuk kekal fokus dan bersemangat untuk belajar bagi mengekalkan prestasi keputusan peperiksaan mereka. Hal ini kerana terdapat juga masalah lain seperti faktor ekonomi iaitu bagi pelajar yang terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah yang tinggal di bandar dan miskin bandar. Kelompok ini hanya cukup untuk membeli keperluan seharian sahaja dan akan mempunyai masalah kewangan untuk membuat perbelanjaan lain seperti membeli plan data Internet dan menyediakan keperluan gajet yang secukupnya kepada anak-anak yang meneruskan sesi pembelajaran dalam talian. Kelompok ini juga boleh ditafsirkan sebagai pelajar yang miskin. Hal ini menyebabkan bertambahnya beban tanggungan harian atau bulanan ibu bapa mereka untuk melanggan Internet. Hasil kajian daripada Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan Dana Populasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) kepada 16 Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur, mendapati gaji purata bulanan ketua isi rumah menurun satu pertiga kepada RM1,000 sebulan sejak PKP dilaksanakan (Sinar Harian, 2020).

Masalah ini tidak terhenti setakat itu sahaja, menurut Syahrudin et al. (2021), sokongan sosial daripada orang sekeliling terhadap seseorang pelajar itu juga sangatlah penting dan memainkan peranan utama kepada pelajar. Hal ini disebabkan apabila pelajar perlu memaksa diri untuk belajar di dalam norma baharu tanpa persediaan yang rapi, mereka mungkin akan mengalami masalah tekanan, mental, perasaan dan sebagainya kerana terlalu lama di hadapan skrin. Kehidupan sosial ketika pandemik agak terbatat dan menyebabkan mereka mengalami tekanan perasaan. Oleh itu, sokongan sosial daripada pensyarah, ibu bapa dan rakan sebaya amat penting untuk memberi semangat yang positif kepada mereka untuk terus bersemangat dalam meneruskan pengajian dalam norma baharu.

Dalam konteks kajian ini, kajian ingin mengenal pasti faktor kemiskinan digital dalam kalangan pelajar ketika pandemik Covid-19. Selain itu, kajian juga ingin menjelaskan faktor kemiskinan digital memberi kesan terhadap prestasi pelajar dalam sesi pembelajaran dalam talian. Kajian ini dilakukan ke atas pelajar Universiti Malaysia Terengganu di Kuala Terengganu.

1.1. Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui faktor kemiskinan digital dalam kalangan pelajar universiti.
- ii. Menjelaskan faktor kemiskinan digital yang memberi kesan terhadap prestasi pelajar universiti.

2. Kajian Literatur

Pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia sejak akhir tahun 2019 mencetuskan satu fenomena baharu yang melonjakkan lagi kebergantungan manusia terhadap penggunaan Internet ekoran daripada keterbatasan manusia untuk berhubungan dan berkomunikasi secara bersemuka (Yakin et al., 2021). Umumnya, kemiskinan digital merupakan jurang teknologi yang berlaku dalam kalangan masyarakat pada hari ini sehingga menjadi barah dalam masyarakat semasa penularan Covid-19. Dunia pada hari ini melihat teknologi sebagai suatu perkara yang sangat penting dan sangat diperlukan untuk melaksanakan tuntutan tugas seharian akibat daripada ledakan perubahan Revolusi Industri 4.0 yang perlu diikuti oleh manusia pada abad ini (Hazura & Hairulliza, 2012).

Selain itu, teknologi merupakan perkara yang sangat penting dalam perkembangan dan pembangunan sesebuah komuniti mahupun individu untuk memajukan diri ke arah yang lebih baik. Istilah teknologi berasal daripada perkataan '*techne*' iaitu dalam bahasa Yunani yang membawa maksud kemahiran. Kemahiran di sini menerangkan kemahiran menggunakan teknik moden dalam usaha memajukan pendidikan (Burhan, 2018).

2.1. Faktor Kemiskinan Digital di Malaysia

2.1.1. Faktor Pengetahuan

Ilmu pengetahuan adalah sangat penting bukan dari segi fizikal sahaja malah apabila mengimbas kembali konsep yang perlu dipertimbangkan iaitu *Information and Communication Technology (ICT)*. ICT merupakan perkara yang sangat penting dalam dunia Revolusi Industri pada hari ini. Pengetahuan ICT dikira suatu kepentingan dan keperluan pada masa kini untuk menjalankan aktiviti seharian. Menurut Kamal dan Hussin (2018), konsep literasi ICT ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang dalam menggunakan ICT. Kebiasaannya, kemiskinan digital ini akan mengakibatkan ketidakupayaan pelajar dari aspek literasi teknologi ICT yang lemah. Ini mengambil kira pelaksanaan PdP secara atas talian ini masih berada di fasa baharu serta masih menjadi kejutan budaya kepada pelajar di Malaysia dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu, pastinya terdapat banyak kekangan dalam proses pelaksanaannya. Bukan itu sahaja, pastinya kita mendapat pelbagai reaksi dari pihak pelajar, guru atau pensyarah, serta ibu bapa tentang isu ini. Hal ini demikian, tidak semua tenaga pengajar mempunyai kemahiran yang baik dan mencukupi untuk melaksanakan proses PdP secara dalam talian. Tambahan lagi, tidak semua pelajar juga mempunyai kemahiran dan kelengkapan yang baik dalam menguruskan alatan teknologi (Afzan et al., 2021).

Seseorang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan dalam penggunaan teknologi pastinya akan sukar untuk mengadaptasi perkembangan zaman yang memerlukan kemahiran mengendalikan teknologi. Oleh itu, dalam isu kemiskinan digital ini, jika tenaga pengajar mahupun pelajar tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang baik tentang teknologi, mereka akan sukar untuk melaksanakan kerja-kerja PdP dalam talian ekoran daripada keseluruhan sesi pembelajaran dan aktiviti tugas perlu disiapkan dan dihantar secara dalam talian. Semestinya dalam PdP dalam talian memerlukan seseorang pelajar itu untuk berfikiran kognitif, kreatif, kritis serta melatih pelajar untuk lebih berdikari. Hal ini demikian, PdP secara dalam talian tidak lagi hanya mementingkan pemahaman dan fokus semata-mata bahkan ia perlu di analisis secara lebih mendalam (Dinata, 2021). Oleh itu, pengetahuan tentang teknologi adalah sangat penting bagi kedua-dua pihak untuk memastikan sesi PdP dalam talian dapat dilaksanakan dengan berkesan dan efektif daripada kedua-dua pihak yang terlibat.

2.1.2. Faktor Fizikal

Seterusnya, faktor fizikal dalam isu miskin digital ini boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu aspek demografi, aspek keperluan peranti digital dan aspek untuk mendapatkan suasana belajar yang kondusif. Ketiga-tiga aspek ini memberi pengaruh ke atas mod pembelajaran dalam talian

pada situasi norma baharu ini. Tambahan pula, ketiga-tiga aspek fizikal ini saling berkait rapat untuk memastikan PdP berjalan dengan lancar dan efektif. Apabila Malaysia dilanda virus Covid-19 dan penutupan institusi pendidikan, ibu bapa mahupun kerajaan terutamanya tidak mampu untuk menyediakan semua keperluan fizikal dengan baik dan lengkap. Masih terdapat kelompangan dari pihak ibu bapa dan kerajaan dalam menyediakan kepada anak-anak atau para pelajar keselesaan, kemudahan dan keperluan yang baik untuk mod pembelajaran dalam talian (Surianshah, 2021).

Jika dilihat pada aspek demografi masalah jurang antara masyarakat dari dahulu sehingga kini masih tidak boleh dibendung oleh pihak bertanggungjawab. Jurang antara masyarakat yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar merupakan salah satu faktor fizikal yang membawa kepada masalah kemiskinan digital. Walaupun pelbagai alternatif yang telah kerajaan lakukan untuk membasmi masalah ini serta berusaha untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar seperti menyelesaikan masalah rangkaian Internet kepada masyarakat luar bandar yang masih berleluasa sehingga ke hari ini. Malah, kerajaan juga telah memperuntukkan berbilion ringgit untuk memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam mengecap manfaat dan akses Internet. Salah satu usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan ialah dengan mewujudkan Pusat Internet (PI) khususnya bagi masyarakat yang tinggal di luar bandar (Yakin et al. (2021). Misalnya, negeri Sabah adalah negeri yang paling rendah untuk mendapatkan akses Internet. Oleh itu, masyarakat Sabah lebih gemar untuk berkomunikasi dan berinteraksi secara bersemuka berbanding menggunakan teknologi yang ada akibat daripada masalah rangkaian Internet yang sukar untuk mereka kecap (Yakin et al., 2021).

Pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar berpotensi besar untuk mereka keciciran di dalam pelajaran akibat daripada kesukaran dalam mendapatkan rangkaian internet. Lokaliti mereka yang sukar untuk mendapatkan rangkaian Internet memberi mereka tekanan dan membuatkan pelajar kurang bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran dalam talian. Tambahan pula, seperti mana yang tular kisah seorang pelajar dari negeri Sabah sanggup mengambil risiko dengan memanjat pokok dan tinggal di atas pokok untuk mendapatkan rangkaian Internet yang baik bagi menghadiri kelas dan peperiksaan dalam talian (Liyana, 2021).

Masalah rangkaian Internet juga menyukarkan pelajar dalam memahami subjek yang di ajar oleh pensyarah. Pelajar ini akan ketinggalan dalam proses PdP berbanding rakan sekelas mereka yang mempunyai liputan Internet yang baik akan mudah untuk mengikuti kelas dan menyelesaikan tugas yang diberikan. Negeri kurang maju seperti Kelantan dan pedalaman Sabah, mempunyai liputan Internet sangat lemah berbanding negeri yang maju dan membangun seperti Kuala Lumpur, Ipoh Perak atau di kawasan bandar-bandar (Sheikh Dawood et al., 2019). Menurut Yakin et al. (2021) negeri Sabah merupakan negeri yang paling rendah dalam kadar untuk mendapatkan jalur lebar mudah alih (*mobile broadband penetration rate*) di Malaysia. Bagi masyarakat Sabah yang mempunyai keperluan untuk mengakses Internet, mereka perlu ke Pusat Internet daerah yang disediakan untuk menyelesaikan tugas masing-masing. Oleh itu, Pusat Internet (PI) menjadi tumpuan bukan sahaja dalam kalangan pelajar malah pekerja dan penduduk kampung.

Selari dengan Kumar Raman (2019), bukan sahaja penggunaan teknologi maklumat mempunyai perbezaan yang ketara di antara lokaliti bandar dan luar bandar dari segi infrastruktur dan kelengkapan kemudahan untuk guru dan juga pelajar. Jadi, mod PdP dalam talian ini telah mendiskriminasikan antara pelajar bandar dan luar bandar. Pelajar di luar bandar berasa terpinggir akibat daripada lokaliti mereka yang sukar untuk mendapatkan capaian rangkaian akses Internet yang baik.

Selain itu, tempat belajar yang kondusif juga memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar untuk terus fokus dan bersemangat untuk belajar. Penyediaan tempat belajar yang bersistematik dan selesa akan membawa kepada psikologi pelajar itu untuk lebih rajin dan selesa untuk belajar (Syahrudin et al., 2021). Keadaan belajar yang kurang selesa menjadi salah satu faktor sesi PdP dalam talian terganggu. Kepekaan dan kebertanggungjawaban ibu bapa

dalam memastikan ruang belajar dan kelengkapan seperti telefon dan komputer riba penting untuk keselesaan anak-anak mereka dalam menghadapi PdP dalam talian. Persekitaran pembelajaran yang kondusif mampu untuk memberi keupayaan dan merangsang minat dan semangat pelajar untuk terus belajar (Uleanya et al., 2021).

Sungguhpun begitu, tidak semua ibu bapa mampu dalam menyediakan peranti digital dan keperluan Internet di rumah dengan baik dan mencukupi untuk membolehkan proses pembelajaran norma baharu ini boleh berlaku secara efektif dan efisien. Ini kerana, wujudnya kekangan dari pihak ibu bapa terutamanya bagi mereka yang datang dari latar belakang keluarga yang kurang senang dan wangnya hanya cukup untuk keperluan harian, pastinya akan bergelut krisis untuk menyediakan keperluan gajet yang canggih kepada anak mereka (Velaga et al., 2012).

2.1.3. Faktor Sosial

Tekanan akademik ditakrifkan sebagai suatu keadaan yang tidak disukai dan tidak menggembirakan pelajar oleh kerana tuntutan yang perlu dipenuhi dan dipatuhi oleh para pelajar. Perkara boleh mencetuskan kebimbangan dan boleh mempengaruhi kesejahteraan dalam proses pembelajarannya. Justeru, sokongan sosial adalah menjadi keutamaan yang diperlukan oleh pelajar untuk menghadapi waktu sukar ketika PdP. Sokongan sosial ini boleh datang dari kenalan yang rapat serta ahli keluarga seperti sokongan sosial daripada ibu bapa, pensyarah, dan juga rakan sebaya. Walaupun terdapat limitasi penjarakan fizikal dalam perhubungan antara individu ini berikutan pelaksanaan PKP, namun ianya bukanlah suatu alasan untuk mereka berhubung mendapatkan sokongan. Pelbagai medium dan platform boleh menghubungkan mereka walaupun perbezaan jarak seperti berinteraksi melalui telefon, media sosial, menghantar e-mel dan sebagainya (Abdul Aziz et al., 2020). Tambahan pula, sokongan sosial tidak terhenti setakat di situ sahaja, sokongan sosial juga boleh diperoleh daripada badan kerajaan dan bukan kerajaan. Sebagai contoh, perkhidmatan tele-kaunseling yang telah diwujudkan oleh pihak kerajaan perlulah dimanfaatkan oleh masyarakat dengan sebaiknya untuk menghindari diri daripada mengalami tekanan emosi atau kemurungan (Syahrudin et al., 2021).

Menurut Amran (2021) pelajar yang bermotivasi akan cenderung untuk memperoleh hasil pembelajaran yang baik untuk merangsang semangat belajar, begitu juga sebaliknya. Kurangnya motivasi dalam diri seseorang pelajar itu boleh menurunkan semangat belajar dan seterusnya boleh mempengaruhi kepada keputusan yang bakal diperoleh nanti. Oleh itu, pembelajaran norma baharu ini memerlukan pelajar untuk mendapat sokongan moral yang lebih dari orang sekeliling mereka untuk terus bersemangat dan bermotivasi dalam meneruskan pembelajaran dalam talian. Tambahan pula, pembelajaran dalam talian ini bukanlah sesuatu perkara yang boleh dipandang enteng kerana teknik dan cara pembelajaran seperti ini sebenarnya lebih membawa kepada pelajar berisiko untuk lebih terdedah kepada tekanan emosi dan perasaan (Abdul Aziz et al., 2020).

2.1.4. Faktor Ekonomi

Ekonomi yang dimaksudkan di bawah kemiskinan digital ini ialah kewangan yang merupakan kunci utama dalam sesuatu perkara pada era globalisasi ini. Penularan Covid-19 juga telah menyebabkan majoriti masyarakat pada hari ini mengalami masalah kewangan. Dalam isu kemiskinan digital, masyarakat yang terjejas hari ini terdiri daripada golongan B40 dan M40. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), kumpulan B40 dan M40 merupakan kumpulan isi rumah yang wujud dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia. Bagi isi rumah B40 ialah isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,360 manakala isi rumah M40 ialah isi rumah yang berpendapatan di antara RM4,360 sehingga RM9,619. Jumlah angka pendapatan isi rumah tersebut dilihat agak tinggi tetapi dek kerana taraf ekonomi pada hari ini juga sangat tinggi malah ditambah pula dengan pandemik yang melanda telah menyebabkan masyarakat dalam lingkungan pendapatan ini juga tersepit dalam kehidupan. Ada juga di antara mereka


yang telah berubah status isi rumah iaitu dari M40 kepada B40 kerana kehilangan kerja dan sebagainya.

Oleh itu, bagi keluarga yang mempunyai masalah tersebut dilihat akan terkesan untuk menyediakan keperluan yang terbaik kepada anak-anak mereka dari segi keperluan gajet, pembelian data atau Internet dan sebagainya. Barangan keperluan harian menjadi keutamaan mereka berbanding menyalurkan wang tersebut kepada keperluan belajar. Kesempitan hidup yang dialami oleh masyarakat dalam dua kategori ini semestinya menghadapi masalah kewangan dan seterusnya memberi impak kepada keperluan pelajar untuk belajar ekoran daripada ibu bapa yang tidak mempunyai ekonomi kewangan yang stabil (Marquez et al., 2020). Selain itu, bagi kumpulan T20 iaitu isi rumah yang berpendapatan RM9,619 kurang terjejas serta tidak mengalami kesulitan dalam menyediakan keperluan fizikal yang terbaik kepada anak-anak mereka (Kumar Raman, 2019). Walaupun pihak kerajaan telah menyediakan bantuan seperti Bantuan Khas Covid (BKC) kepada mereka yang memerlukan mengikut status kelayakan masing-masing, masalah ini dilihat tidak membantu mereka untuk menyelesaikan isu ini.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi edaran soal selidik iaitu survei secara pautan *google form* kepada 100 orang pelajar. Pendekatan kuantitatif menurut Neuman (2014), kajian yang berbentuk nombor dan bersifat saintifik iaitu tersusun, sistematik dan teratur. Ia juga bersifat objektif dan bukan subjektif serta bebas daripada pertimbangan nilai oleh pengkaji Menurut Alien Rubin (2015), penyelidikan kuantitatif merujuk kepada mengumpulkan data numerik atau angka serta manipulasi pemerhatian bertujuan untuk menghuraikan dan menerangkan fenomena yang berlaku daripada pemerhatian tersebut. Populasi kajian adalah pelajar tahun 3 ambilan 2019/2020 yang terdiri daripada 2,327 orang pelajar. Kajian menggunakan pensampelan bertujuan sebagai wakil daripada keseluruhan populasi. Kekangan masa dan penularan wabak Covid-19, menyebabkan sampel terpaksa dihadkan kepada 100 orang. Menurut Hair et al. (2018) secara umumnya sampel yang diperlukan untuk kajian situasi adalah memadai 100 sampel. Hal ini selari dengan pendapat Kish (1965) saiz sampel minimum untuk penyelidikan sains sosial antara 30 hingga 200 sampel sudah memadai untuk menganalisis data statistik. Sampel kajian terdiri daripada 50 pelajar Sains Tulen dan 50 orang pelajar Sains Sosial Universiti Malaysia Terengganu. Kajian ini dijalankan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) (rujuk Rajah 1) yang berada di daerah Kuala Nerus, negeri Terengganu.

Rajah 1: Lokasi kajian UMT



Ia dibangunkan di atas tanah yang berkeluasan 218 ekar dimana terdiri daripada lebih 70% telah digunakan untuk pembangunan. UMT juga merupakan sebuah kampus yang unik kerana sebahagian kawasannya merupakan kawasan habitat paya laut serta dikelilingi oleh saluran air semula jadi lebih daripada sembilan belas peratus daripada keluasan kampus ([Universiti Malaysia Terengganu, 2015](#)).

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi

Responden terdiri daripada pelajar-pelajar UMT daripada kos pengajian yang berbeza. Terdapat seramai 59 orang (59 peratus) pelajar Sains Sosial dan 41 orang (41 peratus) pelajar Sains Tulen tahun 3 di UMT yang terdiri daripada 28 orang responden lelaki (28 peratus) dan 72 orang responden perempuan (72 peratus) menjadikan jumlah keseluruhan responden ialah 100 orang (100 peratus). Pelajar tahun 3 daripada kedua-dua kos tersebut adalah berumur 21 tahun sehingga 23 tahun ke atas. Majoriti daripada mereka adalah yang berumur 23 tahun ke atas iaitu 84 peratus diikuti responden yang berumur 22 tahun iaitu 14 peratus dan 21 tahun pula hanya 2 peratus dengan 98 peratus (98 orang) adalah bujang dan 2 peratus (2 orang) telah berkahwin menjadikan jumlah responden adalah 100 orang (100 peratus).

[Jadual 1](#) menunjukkan bahawa majoriti 81 peratus (81 orang) etnik Melayu, diikuti dengan etnik India sembilan peratus (sembilan orang), Cina enam peratus (enam orang) dan lain-lain etnik empat peratus. Responden daripada yang beragama Islam pula menunjukkan 81 peratus (81 orang), Kristian lapan peratus (lapan orang), diikuti oleh lain-lain enam peratus (enam orang) dan Kristian lima peratus (lima orang). Pecahan kawasan tempat tinggal pula dipaparkan dalam [Jadual 1](#) menunjukkan responden dari luar bandar lebih ramai berbanding dari kawasan bandar iaitu masing-masing menunjukkan 54 peratus dan 46 peratus.

Jadual 1: Etnik, Agama dan Kawasan Tempat Tinggal

Item	Bilangan	Peratus (%)
Etnik		
Melayu	81	81
Cina	6	6
India	9	9
Lain-lain	4	4
Jumlah	100	100
Agama		
Islam	81	81
Buddha	5	5
Kristian	8	8
Lain-lain	6	6
Jumlah	100	100
Kawasan Tempat Tinggal		
Bandar	46	46
Luar Bandar	54	54
Jumlah	100	100

Hasil dapatan yang diperolehi juga mendapati responden adalah terdiri daripada 12 negeri di Malaysia dari setiap pelosok negeri. Responden dari kawasan luar bandar adalah terdiri dari negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu dengan masing-masing memperoleh bilangan dan peratus yang sama iaitu 22 peratus (22 orang) dan responden dari negeri Pahang 15 peratus (15 orang). Terdapat juga responden dari Pantai Barat iaitu dari negeri Selangor 11 peratus (11 orang), Negeri Sembilan tiga peratus (tiga orang) dan Kuala Lumpur dua peratus (dua orang). Seterusnya, responden dari negeri Johor pula ialah sembilan peratus (sembilan orang), manakala dari negeri Utara pula yang terdiri daripada negeri Kedah iaitu lima orang

responden (lima peratus), Perak tiga (tiga peratus), dan Penang satu peratus atau seorang. Kajian juga menerima responden dari negeri Borneo iaitu responden dari Sabah adalah seramai empat orang (empat peratus) manakala Sarawak tiga orang (tiga peratus).

Berdasarkan **Jadual 2** menunjukkan keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) atau CGPA responden dari kedua-dua kos pengajian. Hasil menunjukkan bahawa purata yang diperoleh oleh pelajar di UMT bagi dua kos pengajian adalah di antara 3.49-2.00 dengan data menunjukkan 66 peratus (66 orang) pelajar berada pada tahap yang sederhana. Terdapat juga pelajar yang memperoleh keputusan yang cemerlang iaitu seramai 33 orang atau 33 peratus dengan CGPA antara 4.00 sehingga 3.50 dan satu peratus memperoleh purata keputusan yang rendah iaitu antara 2.01 sehingga 1.50. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pembelajaran dalam talian ini telah menjejaskan prestasi pelajar kerana majoriti pelajar hanya mampu untuk mendapat keputusan pada tahap yang sederhana malah terdapat juga pelajar yang berada pada tahap yang rendah berbanding pelajar yang mencapai keputusan yang cemerlang. Ini kerana tidak semua pelajar mampu untuk kekal fokus dan dapat menerima perubahan pembelajaran norma baharu. Tambahan pula, setiap pelajar juga terdiri daripada latar belakang keluarga yang berbeza menyebabkan ada di antara pelajar yang sukar untuk memberi keselesaan dan fokus sepenuhnya sepanjang PdP dalam talian sehingga menjejaskan keputusan peperiksaan.

Jadual 2: CGPA

CGPA	Bilangan	Peratus (%)
4.00-3.50	33	33
3.49-2.00	66	66
2.01-1.50	1	1
1.49 ke bawah	0	0
Jumlah	100	100

Jadual 3 merupakan data pekerjaan dan pendapatan ibu dan bapa responden. Berdasarkan hasil tersebut, pekerjaan ibu yang tidak bekerja adalah peratus yang tertinggi iaitu 47 peratus (47 orang), manakala 21 peratus (21 orang) adalah kakitangan kerajaan, 18 peratus (18 orang) pula bekerja sendiri dan 14 peratus (14 orang) adalah kakitangan swasta. Bagi pekerjaan bapa pula terdiri daripada ibu bapa yang bekerja sendiri merupakan bilangan yang tertinggi iaitu 40 peratus (40 orang), diikuti kakitangan kerajaan 25 peratus (25 orang), 18 peratus (18 orang) bagi pekerja swasta dan 17 peratus (17 orang) adalah tidak bekerja.

Jadual 3: Pekerjaan Ibu dan Bapa dan Pendapatan Ibu dan Bapa

Item	Bilangan	Peratus (%)
Pekerjaan Ibu		
Kerajaan	21	21
Swasta	14	14
Bekerja sendiri	18	18
Tidak bekerja	47	47
Jumlah	100	100
Pekerjaan Bapa		
Kerajaan	25	25
Swasta	18	18
Bekerja sendiri	40	40
Tidak bekerja	17	17
Jumlah	100	100
Pendapatan Bapa		
RM2,500 ke bawah	46	46
RM2,501 sehingga RM4,500	29	29

RM4,501 sehingga RM 6,500	19	19
RM6,501 sehingga RM8,500	4	4
RM8,501 sehingga RM10,500	1	1
RM10,501 sehingga RM12,500	1	1

Pendapatan Ibu

RM2,500 ke bawah	61	61
RM2,501 sehingga RM4,500	22	22
RM4,501 sehingga RM 6,500	12	12
RM6,501 sehingga RM8,500	5	5

Melalui data pekerjaan tersebut, pendapatan bapa yang telah ditunjukkan pada [Jadual 3](#), hampir separuh (46 peratus) bapa responden mempunyai pendapatan kurang RM2,500 iaitu 46 orang, 29 peratus (29 orang) adalah berpendapatan lingkungan RM2,501 sehingga RM4,500. Pendapatan antara RM4,501 sehingga RM6,500 adalah 19 peratus (19 orang), empat peratus pula berpendapatan antara RM6,501 sehingga RM8,500 dan bagi yang berpendapatan tinggi iaitu RM8,501 sehingga RM10,500 dan antara RM10,501 sehingga RM12,500 masing-masing adalah satu peratus.

[Jadual 4](#) menunjukkan bilangan tanggungan dan isi rumah responden. Bilangan tanggungan yang paling ramai adalah seorang hingga dua orang tanggungan iaitu sebanyak 45 peratus (45 orang), manakala tiga hingga empat orang pula 35 peratus (35 orang) dan bagi tanggungan lima orang ke atas ialah 20 peratus (20 orang). Bagi bilangan isi rumah lima orang ke atas ialah 47 peratus (47 orang), 42 peratus (42 orang) adalah isi rumah di antara tiga sehingga empat orang dan sembilan peratus (sembilan orang) bagi bilangan isi rumah satu sehingga dua orang.

Jadual 4: Bilangan tanggungan dan isi rumah

Item	Bilangan	Peratus (%)
Bilangan Tanggungan		
1-2 orang	45	45
3-4 orang	35	35
5 orang ke atas	20	20
Jumlah	100	100
Bilangan Isi Rumah		
1-2 orang	9	9
3-4 orang	42	42
5 orang ke atas	47	47
Jumlah	100	100

Data kajian bagi mod akses internet seperti yang ditunjukkan pada [Jadual 5](#) menjelaskan bahawa pelajar mempunyai pilihan untuk menggunakan data secara berbayar iaitu pra dan pasca serta perkongsian *wifi* percuma dari orang sekeliling mereka. Penggunaan *postpaid* menunjukkan peratus tertinggi iaitu 51 peratus (51 orang) yang menggunakan perkhidmatan internet tersebut, diikuti oleh prabayar iaitu 42 peratus (42 orang) dan *wifi* percuma enam peratus.

Jadual 5: Mod akses Internet

Mod Akses Internet	Bilangan	Peratus (%)
Prabayar	42	42
Wifi Percuma	6	6
Postpaid	51	51
Jumlah	100	100

4.2. Faktor Kemiskinan Digital Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu

4.2.1. Faktor Pengetahuan

Jadual 6 menunjukkan faktor kemiskinan digital dari aspek pengetahuan. Pernyataan faktor pengetahuan yang mendapat skor tertinggi adalah saya sedar tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang pandemik Covid-19 (4.59), diikuti oleh saya sedar akan kepentingan ilmu teknologi ICT pada sama kini dengan skor min (4.61). Kajian mendapati bahawa pelajar universiti mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka sepanjang tempoh pembelajaran dalam talian. Kesukaran pelajar dalam meneruskan sesi pembelajaran dalam talian ini kerana literasi ICT merupakan prasyarat kejayaan pelajar dalam menghasilkan kerja yang baik, kreatif dan inovatif pada dunia abad ke-21 ini. Manakala pernyataan saya berasaskan penggunaan teknologi ICT pada hari ini adalah sukar (3.31), saya tidak berhadapan dengan sebarang masalah sepanjang menggunakan teknologi seperti komputer riba, komputer, laptop (3.5) dan saya faham mengenai kemiskinan digital (3.51) menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan pada tahap sederhana. Dengan kemudahan dan tunjuk ajar dari yang mereka yang pakar, kelas kemahiran dan sebagainya memudahkan pelajar pada hari ini untuk menguasai sedikit sebanyak penggunaan teknologi ICT.

Jadual 6: Kemiskinan digital dari aspek pengetahuan

Pernyataan	Min
Saya faham mengenai kemiskinan digital.	3.51
Saya sedar tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang pandemik Covid-19.	4.59
Saya sedar akan kepentingan ilmu teknologi ICT pada sama kini.	4.61
Saya mempunyai ilmu pengetahuan yang baik tentang penggunaan teknologi ICT.	3.78
Saya mampu menyiapkan tugas sepanjang pembelajaran dalam talian.	4.19
Saya mampu menyiapkan tugas pembelajaran dengan baik dan kreatif menggunakan teknologi.	3.83
Saya mampu untuk belajar secara berdikari sepanjang pembelajaran dalam talian	3.86
Saya telah banyak memperoleh idea-idea baharu dengan penggunaan teknologi yang canggih untuk menyiapkan tugas.	4.02
Saya tidak berhadapan dengan sebarang masalah sepanjang menggunakan teknologi. Contoh: komputer riba, komputer, laptop	3.50
Saya mahir dalam mengendalikan kemudahan teknologi. Contoh: <i>Microsoft PowerPoint, Microsoft Excel, Webex, Google Meet</i>	3.83
Saya mampu berfikir kognitif, kreatif dan kritis dalam melaksanakan tugas yang diberikan.	3.65
Saya kurang fokus semasa meneruskan sesi pembelajaran sepanjang tempoh pandemik Covid-19	4.13
Saya berasaskan penggunaan teknologi ICT pada hari ini adalah sukar	3.31
Saya masih kurang menguasai tentang ilmu teknologi yang ada.	3.62
Saya kurang kesedaran untuk menimba ilmu tentang teknologi ICT	3.55

Aspek pengetahuan merupakan induk dan ianya boleh berdiri dengan sendiri dimana asas untuk seseorang pelajar itu perlulah mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup bagi memastikan

mereka boleh menguasai ilmu ICT dan teknologi yang semakin maju pada dunia hari ini. Ketersediaan dan keupayaan pelajar dalam ilmu ICT dilihat pada tahap literasi ICT yang tinggi mampu untuk membawa seseorang pelajar lebih mahir dan mudah dalam mengendalikan alatan dan menguasai ilmu teknologi yang ada pada hari ini dalam melaksanakan tugas harian. Konsep yang sama digunakan di dalam meneruskan pembelajaran dalam talian apabila tahap penguasaan ICT yang masih lemah dalam kalangan pelajar akan membatasi mereka dalam melaksanakan tugas yang diberikan oleh pensyarah kepada mereka. Sesi pembelajaran dan pengajaran dalam talian ini sangat bergantung kepada ilmu teknologi dan penguasaan pelajar yang baik terhadap pengetahuan ICT.

4.2.2. Faktor Fizikal

Seterusnya faktor fizikal dalam kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu aspek demografi, aspek keperluan peranti digital dan aspek suasana belajar yang kondusif. Bagi aspek demografi dilihat lima daripada lapan skor min pada tahap yang setuju. Aspek demografi pada [Jadual 7](#) membincangkan tentang lokaliti atau kawasan tempat tinggal responden. pernyataan "Pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman lebih sukar mendapatkan akses internet berbanding pelajar yang tinggal di kawasan bandar telah mendapat skor min tertinggi iaitu (4.69). berdasarkan pernyataan di atas bahawa responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Umum mengetahui bahawa lokaiti sangat memainkan peranan yang penting dalam mendapatkan kemudahan internet yang baik untuk meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran yang baik. Pelajar yang tinggi di kawasan luar bandar lebih sukar untuk mendapatkan liputan internet yang baik berbanding pelajar yang tinggal di kawasan bandar yang dikatakan lebih mudah mendapatkan liputan internet yang baik di kawasan tempat tinggal. Jika pelajar tidak mendapatkan akses internet atau liputan internet yang baik akan menyukarkan proses PdP dan sekali gus akan menyebabkan pelajar ketinggalan dalam pelajaran. Seterusnya bagi penyataan "Saya telah memanfaatkan Pusat Internet (PI) atau kemudahan siber untuk meneruskan pembelajaran dalam talian dengan baik" dengan skor min sederhana iaitu (3.00). Kemudahan PI adalah salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan internet, kemudahan awam yang baik melalui penubuhan PI terutamanya di kawasan-kawasan kampung atau desa. Tetapi dilihat bahawa PI tidak mendapat sambutan yang baik oleh responden untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Jadual 7: Aspek Demografi

Pernyataan	Min
Saya berasa selesa untuk meneruskan sesi pembelajaran dalam talian.	3.17
Saya dapat menerima akses internet yang baik di kawasan saya tinggal.	3.69
Pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman lebih sukar mendapatkan akses internet berbanding pelajar yang tinggal di kawasan bandar	4.69
Saya telah memanfaatkan Pusat Internet (PI) atau kemudahan siber untuk meneruskan pembelajaran dalam talian dengan baik	3.00
Kawasan bandar lebih mudah untuk mendapatkan akses internet yang baik.	4.65
Pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar berpotensi besar untuk ketinggalan dalam pelajaran akibat tidak mendapat akses internet yang baik.	4.49
Saya lebih gemar meneruskan pembelajaran secara bersemuka berbanding dalam talian	4.37
Kebolehcapaian internet boleh mempengaruhi prestasi akademik	4.65

[Jadual 8](#) menjelaskan min dari aspek keperluan peranti digital. Peranti digital merupakan suatu keperluan yang wajib dimiliki oleh setiap individu dalam meneruskan sesi PdP yang baik. Keperluan gajet yang baik dan canggih amat memainkan peranan yang penting dalam

memastikan kebolehcapaian internet dan kerja dapat dilakukan dengan baik tanpa sebarang masalah seperti “hang” dan sebagainya. Pernyataan “Keperluan gajet yang baik adalah penting untuk menyokong sistem aplikasi pembelajaran dalam talian” dan “Menggunakan peralatan teknologi ICT (telefon, tab, komputer) dan perisian komputer membantu meningkatkan kecekapan dalam pembelajaran” dengan kedua-dua pernyataan tersebut mendapat skor (4.49). Responden bersetuju dengan pernyataan tersebut bahawa menekankan aspek keperluan gajet atau teknologi yang canggih membantu pelajar dalam meningkatkan kecekapan dan akses pelajar dengan baik dalam meneruskan sesi pembelajaran dalam talian serta membantu mereka menyelesaikan tugas yang diberikan dengan baik dan cemerlang tanpa ada sebarang masalah. Selain itu, bagi pernyataan “Saya terpaksa membeli gajet baharu untuk meneruskan pembelajaran dalam talian dengan baik” dengan skor yang sederhana iaitu (3.17), memberi dapatan gambaran bahawa majoriti responden atau pelajar pada hari ini telah pun mempunyai gajet yang baik dan canggih. Contohnya, mempunyai smartphone dan komputer riba untuk belajar.

Jadual 8: Aspek Keperluan Peranti Digital

Pernyataan	Min
Saya menghadapi masalah dalam pelajaran akibat penggunaan gajet yang tidak canggih	3.27
Saya dapat menerima akses internet yang baik disebabkan saya menggunakan alat peranti digital yang canggih	4.04
Saya terpaksa membeli gajet baharu untuk meneruskan pembelajaran dalam talian dengan baik	3.17
Saya mempunyai kemudahan belajar yang baik semasa pembelajaran dalam talian. Contoh: laptop, internet, mesin pencetak	4.24
Saya dapat menggunakan alat peranti digital tanpa perlu berkongsi dengan orang lain	4.18
Ibu bapa saya mampu menyediakan peranti digital dan akses internet yang baik di rumah	4.15
Keperluan gajet yang baik adalah penting untuk menyokong sistem aplikasi pembelajaran dalam talian.	4.49
Menggunakan peralatan teknologi ICT (telefon, tab, komputer) dan perisian komputer membantu meningkatkan kecekapan dalam pembelajaran	4.49

Persekitaran atau suasana belajar juga sangat mempengaruhi seseorang pelajar tersebut untuk belajar dalam keadaan yang baik dan selesa. Aspek suasana belajar yang kondusif dilihat memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan pelajar dapat memberi fokus yang baik sepanjang meneruskan sesi pembelajaran (rujuk [Jadual 9](#)).

Jadual 9: Aspek Suasana Belajar Kondusif

Pernyataan	Min
Saya sukar untuk fokus dan memahami subjek yang di ajar oleh pensyarah apabila berada pada situasi yang tidak tenteram	4.40
Saya kurang bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran dalam talian akibat sukar mendapatkan akses internet yang baik	4.15
Saya mendapat suasana belajar yang baik semasa pembelajaran dalam talian. Contoh: meja, kerusi, bilik belajar	4.11
Ruang belajar yang selesa mampu memberi saya semangat untuk belajar	4.65
Persekitaran yang positif membantu saya untuk lebih semangat dalam pembelajaran	4.71
Ibu bapa saya menyediakan ruang belajar yang kondusif kepada saya	4.34

Aspek ini dilihat majoriti responden bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Pernyataan persekitaran yang positif membantu saya untuk lebih semangat dalam pembelajaran mempunyai skor min yang tertinggi iaitu (4.71). Persekitaran yang baik akan memberikan pelajar berasa semangat dan tidak terganggu fokus mereka untuk memahami pelajaran yang diajar oleh pensyarah mereka. Hal ini sangat berkait rapat dengan orang sekeliling seperti ibu bapa terutamanya dalam cuba memberikan anak-anak mereka suasana belajar yang selesa untuk memastikan ilmu yang dipelajarinya dapat difahami dengan baik.

4.2.3. Faktor Sosial

Kemiskinan digital bukan sahaja bergantung semata-mata dengan gajet dan internet sahaja malah aspek sosial juga memainkan peranan yang sangat penting. Sokongan sosial yang ditunjukkan di [Jadual 10](#) seperti rakan sebaya mampu membantu pelajar dalam mengharungi ujian mereka yang terpaksa berkorban menghabiskan pengajian dalam atas talian dengan baik. Pernyataan dorongan daripada rakan sebaya saya membuatkan saya lebih bersemangat meneruskan pelajaran dalam talian dengan skor min (4.30) iaitu pada tahap yang setuju telah membuktikan bahawa dorongan daripada rakan sebaya adalah sangat penting dalam meneruskan sesi pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana, mereka lebih memahami antara satu sama lain dalam apa kesukaran yang mereka belajar. Oleh itu, sokongan antara satu sama lain mampu memberi semangat untuk mereka supaya bersama-sama semangat untuk meneruskan sesi pembelajaran dalam talian. Walau bagaimanapun, pernyataan pelajar kurang bergaul atau berkawan baik antara satu sama lain telah mendapat skor yang sederhana iaitu (3.18). Dilihat bahawa pelajar sains sosial dan sains tulen berkomunikasi dengan rakan mereka pada tahap yang sederhana sahaja.

Jadual 10: Sokongan Rakan Sebaya

Pernyataan	Min
Pelajar kurang bergaul atau berkawan baik antara satu sama lain	3.18
Rakan sekelas saya telah mampu menyiapkan tugas mereka dalam tempoh pandemik yang ditetapkan	3.36
Rakan sekelas saya mengambil berat tentang saya	4.21
Saya dibantu oleh rakan sekelas dalam menyiapkan tugas pembelajaran	4.24
Rakan saya memberi semangat dan nasihat kepada saya	4.28
Saya sentiasa berhubung dengan rakan saya untuk bertanyakan tentang pembelajaran	4.29
Dorongan daripada rakan sebaya saya membuatkan saya lebih bersemangat meneruskan pelajaran dalam talian	4.30

Peranan pensyarah juga mendapat pertimbangan yang baik oleh responden dengan skor min pada tahap setuju dengan skor tertinggi ialah (4.26) (rujuk [Jadual 11](#)). Pensyarah saya membantu pelajar untuk memastikan tugas pembelajaran dapat disiapkan dengan baik. Sokongan pensyarah dalam membantu pelajar untuk menghasilkan sebuah tugas yang baik dan cemerlang sangat mempengaruhi pelajar pada situasi yang genting atau memerlukan seperti ini. Hal ini kerana pelajar hanya mampu untuk berhubung dengan pensyarah mereka hanya menerusi atas talian dan tidak mampu untuk bersemuka. Oleh itu, kerjasama dan sokongan yang baik dari para pensyarah akan memberi kesan yang positif terhadap para pelajar. Selain itu, pernyataan pensyarah saya menggunakan platform yang sukar untuk diakses ketika pembelajaran dengan skor min sederhana iaitu (3.42) menunjukkan bahawa para pensyarah ada menggunakan platform yang sukar untuk diakses oleh pelajar terutama bagi pelajar yang berdepan dengan masalah liputan internet yang baik akan sukar untuk mengakses platform yang memerlukan penggunaan data atau *wifi* yang banyak.

Jadual 11: Sokongan Pensyarah

Pernyataan	Min
Pensyarah saya mengambil berat kebajikan pelajar-pelajarnya	4.13
Pensyarah saya memberikan perhatian terhadap apa yang pelajar katakan	4.21
Pensyarah saya membantu pelajarnya untuk memastikan tugasan pembelajaran dapat disiapkan dengan baik	4.26
Saya menerima bantuan daripada pensyarah saya untuk menyelesaikan tugasan pembelajaran.	4.19
Pensyarah saya amat memahami situasi kekangan pelajarnya sepanjang dalam talian	4.22
Pensyarah saya menggunakan platform yang sukar untuk diakses ketika pembelajaran	3.42

Pertimbangan bagi sokongan keluarga dalam isu kemiskinan digital ini dilihat majoriti responden membuat pertimbangan skor yang setuju dengan pernyataan yang diberikan seperti di [Jadual 12](#). Pernyataan yang tertinggi ialah ibu bapa saya sentiasa memberi sokongan kewangan kepada saya untuk digunakan bagi keperluan pembelajaran. berdasarkan pernyataan di tersebut dengan skor min (4.51) menunjukkan ibu bapa responden sangat menyokong anak-anak mereka dalam meneruskan sesi pembelajaran dalam talian. Ibu bapa dilihat cuba sedaya upaya mereka untuk memberikan yang terbaik kepada anak-anak mereka untuk memastikan anak-anak mereka dapat belajar dalam keadaan yang baik dan sempurna dari segi keperluan kewangan. Contohnya, sokongan kewangan untuk melanggan Internet pada setiap minggu atau bulan. Pernyataan ibu bapa saya tidak memarahi saya apabila keputusan peperiksaan saya jatuh dengan skor yang sederhana iaitu (3.87) menunjukkan pertimbangan yang sederhana oleh responden. ini dapat memberi jawapan kepada pengkaji bahawa ibu bapa semestinya menginginkan keputusan peperiksaan yang terbaik dari anak-anak mereka setelah mereka melaburkan banyak wang dan tenaga untuk memastikan anak-anak dapat belajar dengan baik.

Jadual 12: Sokongan Keluarga

Pernyataan	Min
Ibu bapa saya sentiasa bertanya khabar tentang keadaan diri saya semasa meneruskan pembelajaran pada musim pandemik	4.39
Ibu bapa saya sentiasa memberi sokongan moral terhadap saya	4.50
Ibu bapa saya sentiasa memberi sokongan kewangan kepada saya untuk digunakan bagi keperluan pembelajaran	4.51
Adik-beradik saya sentiasa mengambil berat tentang pembelajaran dan kesihatan saya	4.24
Ibu bapa saya tidak memarahi saya apabila keputusan peperiksaan saya jatuh	3.87

4.2.4. Faktor Ekonomi

[Jadual 13](#) menunjukkan kewangan ekonomi oleh ibu bapa atau penjaga bagi setiap responden. Rata-rata responden telah menunjukkan pertimbangan yang sederhana mengenai tahap ekonomi mereka. Keadaan kewangan tidak memainkan peranan yang penting di dalam kajian ini. Majoriti responden masih mampu untuk membelanjakan kewangan mereka untuk menjalani pembelajaran dalam talian. Walaupun pendapatan ibu bapa responden ramai yang terdiri daripada kumpulan B40, tetapi mereka masih mampu untuk menyediakan kelengkapan yang baik untuk anak-anak mereka belajar. Pernyataan saya berasakan pembelajaran dalam talian memerlukan kos yang tinggi menunjukkan pertimbangan min yang tinggi iaitu 3.85. Manakala, pertimbangan min yang terendah ialah saya terpaksa bekerja untuk menampung kos pembelajaran saya sepanjang belajar secara dalam talian dengan skor min 3.04.


Jadual 13: Faktor Ekonomi

Pernyataan	Min
Saya mempunyai kekangan kewangan untuk melanggan internet pada setiap minggu/bulan	3.20
Saya mempunyai masalah kewangan untuk membeli gajet bagi mengikuti sesi pembelajaran dalam talian	3.18
Saya berasa tertekan untuk membeli tambah nilai pada setiap minggu/bulan	3.27
Ibu bapa saya telah terjejas punca pendapatan mereka akibat daripada pandemik Covid-19	3.32
Saya berasakan pembelajaran dalam talian memerlukan kos yang tinggi	3.85
Bantuan kerajaan mampu membantu untuk menampung perbelanjaan saya meneruskan sesi pembelajaran dalam talian	3.50
Saya terpaksa bekerja untuk menampung kos pembelajaran saya sepanjang belajar secara dalam talian	3.04
Ibu bapa saya mengalami krisis kewangan untuk memberikan wang perbelanjaan kepada saya bagi kegunaan melanggan internet pada setiap minggu/bulan	3.10
Pada pendapat saya, kos perbelanjaan mod akses internet (prabayar, <i>Wi-Fi</i> , <i>post-paid</i>) saya adalah berbaloi	3.38

5. Perbincangan Kajian

Berdasarkan purata min di [Rajah 2](#) menunjukkan bahawa faktor fizikal iaitu aspek suasana belajar yang kondusif menunjukkan pengaruh yang tertinggi dalam aspek kemiskinan digital pelajar Sains Sosial dan Sains Tulen di Universiti Malaysia Terengganu. Skor min (4.4) bagi pernyataan jelas menunjukkan bahawa responden berasakan suasana belajar yang kondusif adalah pengaruh utama dalam isu kemiskinan digital. Tempat belajar yang tidak selesa, sesak, dan sempit boleh mengganggu aktiviti pembelajaran seseorang pelajar. Tambahan lagi, suasana belajar yang bising dan tidak tenteram serta persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif ini jelas mampu membawa permasalahan kepada pelajar untuk belajar dalam keadaan yang aman dan selesa. Menurut [Syahrudin et al. \(2021\)](#), ruang belajar yang tidak kondusif ini merupakan isu yang boleh mengganggu sesi pembelajaran pelajar dan pelajar perlulah mempunyai satu tempat yang baik semasa menjalani proses PdP di rumah.

Rajah 2: Purata min keseluruhan indikator



Persekitaran belajar secara umumnya mampu untuk membina semangat dan memberi keselesaan kepada pelajar untuk kekal fokus dan semangat sepanjang pembelajaran dan pengajaran. Malah, tumpuan dan fokus ini amatlah penting untuk memahami setiap ilmu dan pelajaran yang sedang dan telah disampaikan oleh pensyarah. Pernyataan ini disokong oleh

kajian lepas membuktikan bahawa cabaran pelajar dalam mendapatkan suasana belajar yang kondusif semasa pembelajaran di rumah adalah dari segi aspek untuk mendapatkan suasana belajar yang kondusif. Ini kerana pelajar berasakan tiada ruang yang selesa untuk mereka belajar. Perkara ini merujuk kepada ruang rumah yang terhad serta suasana persekitaran yang dihadapi mereka. Contohnya persekitaran bising yang dicipta oleh adik-beradik mereka dan jiran tetangga.

Selain itu, ruang belajar yang kondusif juga boleh diertikan daripada mempunyai kelengkapan belajar yang baik seperti meja, kerusi, mesin pencetak, rangkaian Internet yang baik dan sebagainya. Ini akan meningkatkan fokus seseorang pelajar apabila mereka dilengkapi dengan peralatan dan suasana belajar yang baik. bagi pelajar yang terdiri daripada kumpulan keluarga yang kurang berkemampuan juga akan menghadapi masalah dalam memenuhi segala aspek keperluan anak-anak mereka dalam menghadapi pembelajaran yang baik di rumah. Oleh itu, pelajar akan cenderung untuk belajar di mana-mana tempat yang ada contohnya di katil dan ruang rumah yang tidak strategik dan tidak sesuai (Yahaya & Adnan, 2021).

Persekitaran pembelajaran bukanlah hanya berlaku dalam konteks pembelajaran sahaja malah ianya boleh wujud dalam semua keadaan dan situasi. Contohnya dalam konteks sosial, psikologikal, pedagogikal dan sebagainya yang boleh mempengaruhi pencapaian dan sikap seseorang individu dalam kehidupan mereka. Melalui persekitaran pembelajaran yang kondusif ini dapat menggalakkan lagi aktiviti seseorang pelajar untuk melakukan aktiviti intelektual seperti berfikir, mengira dan menganalisis sesuatu perkara dengan baik (Duvivier et al., 2022). Oleh itu, persekitaran yang kondusif ini dapat memberi kesan kepada psikologi seseorang dalam pembelajaran di rumah menerusi dalam talian. Selain itu, persekitaran pembelajaran yang kondusif ini mampu untuk menggalakkan aktiviti sosial yang lain seperti berinteraksi dengan sahabat, bekerjasama dan sokongan yang jitu dari orang sekeliling di samping dapat memberi galakkan kepada aktiviti pembelajaran, serta pertumbuhan dan perkembangan pelajar apabila berada dalam suatu ruang yang selesa.

Tambahan lagi, persekitaran yang kondusif mempengaruhi pelbagai aspek yang mana umum mengetahui bahawa sebagai seorang pelajar, mereka akan banyak menghabiskan masa dan kehidupan mereka untuk berada di sesuatu ruang belajar untuk menelaah pelajaran atau mengikuti kelas secara dalam talian (Yahaya & Adnan, 2021). Oleh itu, persekitaran pembelajaran yang kondusif ini perlu diatur dan disusun dengan sebaiknya bagi membolehkan pelajar dapat belajar dengan selesa. Aspek keselesaan tidak boleh di ambil mudah kerana aspek inilah yang membantu seseorang itu untuk mempunyai pemikiran yang baik dan mampu mempengaruhi emosi seseorang. Ruang belajar yang baik mampu untuk memberi aura yang positif kepada pelajar serta menarik minat mereka untuk belajar dengan bersungguh-sungguh serta memberi kepuasan kepada seseorang pelajar untuk belajar dalam keadaan yang baik. Kepuasan yang diperoleh daripada persekitaran yang kondusif ini mampu memberi galakkan kepada seseorang pelajar untuk meningkatkan prestasi mereka dan akhirnya membuah hasil kejayaan kepada pelajar. Oleh itu jelaslah bahawa suasana pembelajaran yang kondusif ini merupakan aspek yang utama dalam mempengaruhi pembelajaran dalam talian terhadap seseorang pelajar. Aspek ini perlulah dilihat sebagai perkara yang penting untuk meningkatkan prestasi pembelajaran seseorang agar kekal cemerlang dalam pelajaran.

6. Kesimpulan

Konsep kemiskinan digital telah lama dibincangkan oleh pelbagai sarjana. Kemunculan wabak Covid-19 yang melanda dunia, menjadikan kemiskinan digital semakin diberi perhatian. Dalam konteks kajian ini kemiskinan digital bukanlah kekurangan fasiliti dan pengetahuan ICT semata-mata, bahkan lebih daripada itu. Ia juga berkait rapat dengan persekitaran kehidupan seperti keadaan hidup, kewangan, sokongan sosial, fizikal dan persekitaran. Peralihan dari fasa pandemik kepada endemik memerlukan masyarakat hari ini membiasakan kehidupan dengan alatan digital. Di Malaysia khususnya, sesetengah premis seperti Institut Pengajian Tinggi (IPT) masih menjalankan sesi PdP secara hibrid. Justeru, pelajar perlu mempunyai kemahiran ICT

yang baik untuk menjalani pembelajaran alam maya. Hasil kajian menunjukkan, faktor pengetahuan, ekonomi dan sosial semata-mata bukanlah ukuran kemiskinan digital yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar, tetapi faktor fizikal melalui penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif juga salah satu faktor yang menjadi impak dalam proses PdP.

Persekitaran pembelajaran yang kondusif menjadi pengaruh utama kepada pelajar untuk menjalani sesi pembelajaran dengan baik dan selesa, selain mempertingkatkan ilmu pengetahuan berkaitan ICT yang masih di tahap sederhana (skor min 3.00- 4.00). Hal ini demikian kerana, melalui mod persekitaran mampu mempengaruhi tingkah laku dan emosi seseorang untuk belajar. Dalam memastikan ruang belajar yang selesa, peranan dan sokongan ibu bapa menjadi peranan penting dalam merancang dan menyediakan ruang belajar yang selesa sesuai dengan persekitaran pembelajaran. Sehubungan dengan itu, kajian penilaian persekitaran yang lebih berfokus perlu dilakukan dengan mengambil kira segala aspek yang lebih menyeluruh untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci bagi menghuraikan masalah ini dengan lebih terperinci dan mendalam.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dan penyelia Projek Ilmiah Tahun Akhir, Dr. Norfatihah Othman dalam membimbing dan menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Aziz, A. R., Shafie, A. A. H., Mohd Soffian Lee, U. H., & Raja Ashaari, R. N. S. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri Bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16–30. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>
- Afzan, A., Bin, I., & Abd, H. (2021). Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Pendidikan Peringkat Rendah Dan Menengah : Pendekatan Malaysia Semasa Pandemik Covid-19 Abstrak Issues And Challenges In The Implementation Of Primary and Secondary Education : Malaysia ' s Approach During the Covid-19 Pa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*

- (MJSSH), 6(9), 1–13.
- Alien Rubin, E. B. (2015). *Research Methods For Social Work* (: Seth Dobrin (ed.); Issue August). Linda Schreiber.
- Amran, N. A. A. & M. S. (2021). Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia. *International Journal Advanced Research In Islamic Students and Education Arise*, 1(4), 32–39.
- Burhan, A. B. (2018). Pemanfaatan Teknologi Informasi Dan Komunikasi Untuk Pengembangan Ekonomi Pertanian Dan Pengentasan Kemiskinan. *Jurnal Komunikasi Pembangunan*, 16(2), 233–247. <https://doi.org/10.29244/jurnalkmp.16.2.233-247>
- Dinata, K. B. (2021). Analisis Kemampuan Literasi Digital Mahasiswa Covid-19 Proses Pendidikan Matematika Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan . Dampak Yang Mandiri. Salah Satu Kemampuan yang Berperanan Cukup Penting Dalam Memfasilitasi. *Edukasi: Jurnal Pendidikan*, 19(1), 105–119. <https://doi.org/10.31571/edukasi.v19i1>.
- Duvivier, R. J., Xu, X., & Bos, N. A. (2022). A Conducive Learning Environment In International Higher Education : A systematic Review Of Research On Students ' Perspectives. *Elsevier*, 37(June), 15. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2022.100474>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2018). *Multivariate Data Analysis* (8th ed.). United Kingdom: Cengage Learning.
- Hazura Mohamed, Hairulliza Mohamad Judi, S. F. M. N. dan Z. M. Y. (2012). Jurang Digital Dan Pendidikan Di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat Dan Komputer Pelajar. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 1(13).
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah M40 dan B40 mengikut Negeri*. Jabatan Statistik Malaysia, 1-4.
- Kamal, S. N. B. M., & Hussin, P. M. M. (2018). Implikasi Jurang Pendidikan Dari Sudut Digital Dan Kemiskinan Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 988–1005.
- Kish, L. (1965). *Survey Sampling*. New York: John Wiley & Sons.
- Kumar Raman, N. O. & H. M. affandi. (2019). Jurang Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Di Antara Sekolah Bandar Dengan Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 109–119.
- Lee, Y. (2021). RMK-12: Advanced Digital Skills In Malaysia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/rmk12-advanced-digital-skills-malaysia-322247>
- Liyana. (2021). Kemiskinan Digital Masih Menghantui Sistem Pendidikan Negara. *Rnggt*. <https://rnggt.com/202113941/>
- Marquez, L. P., Verone, M., Olivar, V., Eco, C., Ombao, R. P., Cerio, W. C., & Deogracias, F. (2020). Education And Covid-19 : Experiences And Insights From A Developing Country. *Access: Contemporary Issues in Education*, 40(1), 84–90.
- Neuman, W. L. (2014). *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches* (Seventh Ed). Pearson Education Limited.
- Sheikh Dawood, S. R., Ghazali, S., & Samat, N. (2019). Digital Divide And Poverty Eradication In The Rural Region Of The Northern Peninsular Malaysia. *Indonesian Journal of Geography*, 51(2), 172–182. <https://doi.org/10.22146/ijg.37758>
- Sinar Harian. (2020). *Miskin Bandar Terpaksa Pilih Telur, Mi*. Diakses pada 12 Mac 2022. <https://www.sinarharian.com.my/article/98148/LAPORAN-KHAS/Miskin-bandar-terpaksa-pilih-telur-mi-segera>
- Surianshah, S. (2021). Digital Divide In Education During Covid-19 Pandemic. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 55(3), 103–112. <https://doi.org/10.17576/jem-2021-5503-07>
- Syahrudin Ag. Ahmad, Sitinurbayu Mohd. Yusof, Aisah Meri, & Cyril Modili. (2021). Isu Dan Pendefinisian Semula Digital Poverty Dalam Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyeliaan (Ppdp) Secara Atas Talian. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 9, 104–113. <https://doi.org/10.51200/jkob.vi.3289>
- Uleanya, C., Ezeji, I. N., & Uleanya, M. O. (2021). Inclusive Education In The Face Of A Global Pandemic: Providing Support. *Multicultural Education*, 7(5), 139–146. <https://doi.org/10.5281/zenodo.4750496>

- Universiti Malaysia Terengganu. (2015). *Blueprint Kampus Lestari Universiti Malaysia Terengganu*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Velaga, N. R., Beecroft, M., Nelson, J. D., Corsar, D., & Edwards, P. (2012). Transport Poverty Meets The Digital Divide: Accessibility And Connectivity In Rural Communities. *Journal of Transport Geography*, 21, 102–112. <https://doi.org/10.1016/j.jtrangeo.2011.12.005>
- Yahaya, M., & Adnan, W. H. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14(1), 11–20.
- Yakin, H. S. M., Yahcob, O., & Januin, J. (2021). Fungsi Dan Implikasi Pusat Internet Terhadap Masyarakat Luar Bandar di Sabah Dalam Era Pandemik Covid-19. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 32(1), 51–68.